

14.4 juta kereta sudah pasang tali pinggang keledar belakang

mm 22/6/08 mis 13

SUNGAI PETANI 21 Jun - Kira-kira 90 peratus daripada 16 juta buah kereta yang didaftarkan di negara ini telah dipasang dengan tali pinggang keledar tempat duduk belakang.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Lajim Ukin berkata, jumlah tersebut dianggap memberangsangkan dan boleh mempercepatkan lagi usaha kerajaan untuk melaksanakan penguatkuasaan undang-undang mewajibkan penumpang belakang memakai tali pinggang.

Bagaimanapun, katanya, atas sikap toleransi dan keprihatinan, kerajaan memutuskan tidak akan mengenakan tindakan saman ke atas penumpang terbabit sehingga 1 Januari 2009.

"Semua kereta yang dipasarkan selepas 1995 kecuali model Perodua Kancil telah dipasang siap dengan tali pinggang keledar tempat duduk belakang.

"Walaupun kita hanya akan ambil tindakan saman ke atas penumpang yang tidak pakai tali pinggang belakang pada 1 Januari depan, namun kerajaan berharap orang ramai dapat mempraktikkan dahulu budaya tersebut.